



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 16 MAC 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	GALAK TANAM SAYUR BUKAN TANDA KERAJAAN TIADA STRATEGI, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S - 5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	MINISTER TO SEEK INPUT ON RISING OIL PRICES, NATION, THE STAR, M/S - 5	
3.	SABAH'S RICE SUPPLY CAN LAST UNTIL SEPT, NATION, THE STAR, M/S - 5	
4.	UNISZA TEKAD LAHIRKAN PAKAR PERUBATAN VETERINAR, PENDIDIKAN, BERITA HARIAN, M/S - 19	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5.	FAMA SASAR JUALAN RAYA RM40 JUTA, NEGARA, KOSMO, M/S - 13	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	SEMARAK SYAWAL 1447@PASAR TANI SASAR JUALAN RM40 JUTA, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S - 24	
7.	UMT PIMPIN TRANSFORMASI TANI, PENDIDIKAN, BERITA HARIAN, M/S - 18	LAIN - LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Galak tanam sayur bukan tanda kerajaan tiada strategi

**KUALA LUMPUR** - Menggalakkan rakyat menanam sayur melalui program Kebumihiti dan Kebun Dapur Isirumah tidak bermakna kerajaan tiada strategi dalam menangani isu keterjaminan makanan negara, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata sebaliknya, inisiatif itu sebahagian daripada pendekatan berlapis yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) bagi memperkukuh daya tahan bekalan makanan negara dalam menghadapi ketidaktentuan global.

Mengambil contoh Singapura dan Jepun, Mohamad berkata, kedua-dua negara ini tetap mementingkan pertanian bandar dan menggalakkan tanaman sendiri sebagai langkah lapisan keselamatan kepada pengeluaran domestik, walaupun berdepan kekangan tanah dan memiliki dasar makanan yang kukuh.

"Adakah mereka tidak faham dasar

makanan? Atau mereka amat faham bahawa budaya berkari adalah sebahagian daripada strategi nasional? Kalau ada yang melihat usaha kecil rakyat dan pegawai KPKM sebagai tidak signifikan, itu hak masing-masing," katanya dalam hantaran Facebook pada Ahad.

Beliau mengulas kenyataan seorang ahli Parlimen yang berpandangan bahawa cadangan menanam sayur sendiri tidak akan menyelesaikan isu keterjaminan makanan kerana berskala kecil dan tidak memberikan kesan signifikan kepada bekalan makanan negara.

Mohamad berkata, cadangan itu tidak wajar diperlekehkan kerana ia dilaksanakan seiring dengan pelbagai langkah dasar yang sedang diambil KPKM bagi menangani potensi gangguan rantaian bekalan global susulan konflik di Asia Barat.

Kenaikan harga bahan api akibat konflik itu berpotensi memberikan kesan langsung kepada nelayan kategori vesel C2 dan C3 yang tidak menerima subsidi diesel, selain me-



Negara seperti Singapura dan Jepun tetap mementingkan pertanian bandar sebagai langkah lapisan keselamatan kepada pengeluaran domestik.

ningkatkan kos logistik agromakanan yang boleh menekan harga runcit.

Selain itu, harga urea global yang meningkat berpotensi menambah kos input pertanian, manakala bekalan jagung bijian dan kacang soya untuk makanan ternakan pula masih bergantung kepada sumber luar.

"Inilah realiti sebenar keterjaminan makanan. Ia berkait dengan geopolitik, tenaga, input pertanian, kos logistik dan per-

dagangan antarabangsa. Sebab itu KPKM dah bertindak," katanya.

Beliau berkata, antara langkah awal yang telah dilaksanakan Kementerian ialah meningkatkan stok penimbal beras melalui Padiberas Nasional Berhad (Bernas) daripada 200,000 tan metrik kepada 300,000 tan metrik, serta mengadakan libat urus dengan Petronas bagi memastikan bekalan urea mencukupi pada harga terkawal. - Bernama

## Minister to seek input on rising oil prices

**HULU LANGAI:** Views and advice from the Finance and Economy Ministries will be sought to devise a strategy to address the impact of rising global oil prices on the country's food sector, says Datuk Seri Mohamad Sabu.

The Agriculture and Food Security Minister said although the country's food import logistics routes are not directly affected by the current conflict in the Middle East, the uncertainty of world oil prices still have an impact on the chain in the coming months.

"We will listen to the advice and views in formulating a strategy," he told reporters at an event here, Bernama reported.

On another matter, Mohamad said the government would looking into channelling plant seeds to support the people's self-sufficiency practices.

"This is not a panic situation. It is a normal practice so that the existing flower plants can be changed to vegetable plants. This is so that we can be self-sufficient," he said.

# Sabah's rice supply can last until Sept

**KOTA KINABALU:** Sabah's rice supply can last until September, says Datuk Jamawi Jaafar.

The state Agriculture, Fisheries and Food Industries Minister said although there are some districts facing rice supply shortages, the overall stockpile is adequate for the needs of Sabahans.

He said according to Bernas Sabah, areas facing rice shortages are having their supplies restocked.

The situation should stabilise once all the rice stock is tabulated, including those held by retailers and traders, he added.

Jamawi said proactive measures are being taken to ensure consistent supply.

16/3/2026

BERITA  
HARIAN

PENDIDIKAN

M/S 19

## UniSZA tekad lahirkan pakar perubatan veterinar

**Jertih:** Penubuhan Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) membantu melahirkan ramai tenaga pakar yang dapat menyumbang kepada keterjaminan makanan serta kebajikan haiwan di negara ini.

Dekan Fakulti Perubatan Veterinar UniSZA, Dr Mohd Faizal Ghazali, berkata negara ketika ini juga masih kekurangan pakar perubatan veterinar bagi memenuhi permintaan yang tinggi dalam sektor kerajaan dan swasta.

“Sehubungan itu, kami ingin melahirkan lebih ramai doktor perubatan veterinar yang diiktiraf Majlis Veterinar Malaysia (MVC) bagi memenuhi keperluan negara dan industri,” katanya.

Mohd Faizal berkata, Fakulti Perubatan Veterinar UniSZA mendapat kelulusan penubuhan secara rasmi daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada November 2024.

Beliau berkata fakulti berkenaan menawarkan program Sarjana Muda Produksi dan

Kesihatan Haiwan dengan Kejuruteraan (SMPKH) yang telah melahirkan 15 kohort graduan setakat ini.

“Program itu kini memasuki kohort ke-16. Darpada jumlah itu, 15 kohort sudah pun bergraduasi dan secara purata setiap kohort mempunyai antara 50 hingga 60 pelajar.

“Dari segi program yang ditawarkan, SMPKH mempunyai Kod NEC 0841, iaitu Veterinar. Ia adalah satu daripada dua program di Malaysia yang bukan dalam bidang Doktor Perubatan Veterinar tetapi mempunyai kod NEC berkenaan kerana program itu mempunyai komponen kesihatan haiwan,” katanya.

Beliau berkata melalui program SMPKH, pelajar berpeluang untuk memperoleh kemahiran dalam aspek kesihatan serta pengurusan haiwan di klinik sama ada klinik haiwan terapan seperti kuda dan lembu atau klinik haiwan peliharaan seperti kucing dan anjing.

BERNAMA



Dr Mohd Faizal

# FAMA sasar jualan raya RM40 juta

**SHAH ALAM** – Sebanyak RM40 juta nilai jualan disasarkan menerusi penganjuran Program Semarak Syawal 1447@Pasar Tani yang berlangsung di 722 lokasi pasar tani di seluruh negara menjelang sambutan Aidilfitri.

Ketua Pengarah Lembaga Pemertanian Persekutuan (FAMA), Abdul Rashid Bahri berkata, program selama enam hari bermula semalam hingga 19 Mac ini bertujuan memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan barangan keperluan Aidilfitri pada harga lebih berpatutan.

Menurutnya, bagi Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, sebanyak 48 lokasi pasar tani terlibat dengan sasaran nilai jualan mencecah RM2.7 juta.

"Program ini merupakan inisiatif tahunan FAMA bagi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat selain memastikan bekalan makanan mencukupi menjelang Aidilfitri.

"Harga barangan kekal stabil dan berpatutan, sekali gus membolehkan pengguna membuat persediaan Syawal tanpa perlu risau mengenai bekalan makanan," katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Rashid berkata, antara tarikan utama program tersebut ialah Jualan Kombo Promosi Agro Madani yang menawarkan pelbagai barangan keperluan dapur pada harga istimewa.

"Antara barangan yang ditawarkan ialah telur, minyak masak, santan kotak, bawang merah setengah kilogram dan halia yang dijual dalam pakej kombo pada harga RM5 bagi 100 set semasa Happy Hour, berbanding harga asal RM15.

"Selain itu, ayam segar turut dijual RM10 seekor, selain berpeluang menerima edaran kerepek secara percuma," jelasnya.



**ABDUL RASHID** (kanan) menyampalkan beg kitar semula pada Program Semarak Syawal 1447@Pasar Tani Peringkat Selangor di pekarangan Stadium Shah Alam semalam.

# Semarak Syawal 1447@Pasar Tani sasar jualan RM40 juta

**SHAH ALAM** - Program Semarak Syawal 1447@Pasar Tani dilaksanakan di seluruh negara menyasarkan nilai jualan RM40 juta menerusi pengunjuran 722 siri jualan dalam tempoh enam hari.

Ketua Pengarah FAMA, Abdul Rashid Bahri berkata, bagi negeri Selangor pula, pihaknya mensasarkan 48 lokasi dengan nilai jualan dianggarkan RM2.7 juta.

Beliau berkata demikian selepas Program Pelancaran Semarak Syawal 1447@Pasar Tani Peringkat Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya di Pasar Tani Stadium Shah Alam pada Ahad.

Program disempurnakan oleh Ahli Parlimen Shah Alam, Azli Yusof. Turut hadir Pengarah FAMA Negeri Selangor dan Wilayah

Persekutuan, Isa Hamzah serta Ketua Pegawai Eksekutif Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd, Rusman Md Lizah.

Abdul Rashid berkata, program bermula dari semalam hingga 19 Mac melibatkan semua lokasi Pasar Tani di Selangor serta beberapa kawasan utama di Wilayah Persekutuan.

Katanya, antara lokasi utama termasuk di Putrajaya, Bangi, Malawati, MAEPS, Stadium Shah Alam dan Kelana Jaya.

"Program ini merupakan program bantuan mengurangkan kos sara hidup di samping memudahkan orang ramai membuat persiapan menyambut Syawal pada harga berpatutan.

"Kita campurkan pelbagai jenis produk, namun fokus utama adalah per-

siapan Syawal termasuk jualan kuih-muih serta penyertaan usahawan kilang yang mengeluarkan produk kuih raya," katanya.

Beliau berkata, peniaga turut bersejua dengan mengadakan jualan happy hour dengan diskaun menarik yang membolehkan orang ramai mendapatkan penjimatan antara RM20 hingga RM25 bagi pembelian lima balang kuih raya.

Dalam pada itu, Abdul Rashid berkata, pihaknya turut menganjurkan Jualan Mantai selama 24-jam bermula jam 8 pagi Selasa hingga 8 pagi Rabu di Stadium Shah Alam.

Katanya, menerusi program itu, sebanyak 10 tan daging lembu segar tempatan akan dijual pada harga RM25 sekilogram selepas diskaun kupon RM5 daripada harga asal RM30 sekilogram.



Dari kanan: Abdul Rashid, Isa dan Azli melayan pengunjung yang mendapatkan keperluan harian pada harga RM15 menerusi program Jualan Agro Madani.

